



**KENYATAAN REQUEST FOR INFORMATION (“RFI”) UNTUK PROJEK MRT3 LALUAN LINGKARAN**

Kerajaan Malaysia telah melantik MASS RAPID TRANSIT CORPORATION Sdn Bhd (902884V) (MRT Corp.) sebagai Pemaju MRT Projek dan Pemilik Aset yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyiapkan sepenuhnya sistem Mass Rapid Transit (MRT) yang dikenali sebagai “PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN”.


**PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN** (“MRT3 Circle Line”) adalah sebahagian dari “Greater Kuala Lumpur” / Pelan Utama Pengangkutan Awam Lembah Klang yang akan menghubungkan kesemua rangkaian rel yang sedia ada di Lembah Klang. MRT3 Circle Line berfungsi untuk membawa penumpang melalui sistem transit Kuala Lumpur yang sedia ada dan bertindak sebagai terminal titik pertemuan dan menggalakan mobiliti hijau di pusat bandar Kuala Lumpur.

Sehubungan perkara di atas, MRT Corp. di dalam proses untuk mengumpul maklumat dan maklumbalas dari syarikat yang berminat melalui Permohonan *Request for information* (“RFI”). RFI ini akan menghubungkan kesemua rangkaian rel yang sedia ada di Lembah Klang. MRT3 Circle Line berfungsi untuk membawa penumpang melalui sistem transit Kuala Lumpur yang sedia ada dan bertindak sebagai terminal titik pertemuan dan menggalakan mobiliti hijau di pusat bandar Kuala Lumpur.

Sesi taklimat (“Taklimat RFI”) akan diadakan untuk pihak berminat yang memenuhi syarat-syarat wajib dan Peserta dikehendaki untuk membuat pra-pendaftaran bagi menghadiri Taklimat RFI ini. Butiran Taklimat RFI ini disediakan seperti dibawah.

Peserta diingatkan bahawa, RFI ini adalah BUKAN pelawaan untuk membida tetapi hanya pelawaan untuk mengumpul maklumat dan maklumbalas semata-mata. Sebarang permintaan, penyerahan atau maklumbalas RFI ini tidak membentuk sebarang komitmen bagi pihak MRT Corp untuk mengesahkan kelayakan Peserta di dalam sebarang tender di masa hadapan.

Kesemua maklumat yang disediakan, maklumbalas dan surat-menyurat berhubung kepada RFI ini adalah SULIT. Semua serahan dokumen RFI akan dinilai ke atas kandungan asas, kelengkapan dan kualiti maklumat yang disediakan.

SKOP & TAJUK	SYARAT-SYARAT WAJIB	SESI TAKLIMAT RFI (KEHADIRAN ADALAH WAJIB BAGI YANG BERMINAT MENYERTAI)	
<p><b>REQUEST FOR INFORMATION (“RFI”) UNTUK PENYIAPAN KERJA-KERJA AWAM BERTINGKAT DAN STESEN UNTUK PROJEK MRT3</b> RFI NO.: RFI/PPD/Q15-2021</p> <p><b>Skop kerja umum bagi kerja awam bertingkat dan stesen antara lain merangkumi kerja-kerja berikut:-</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerja-kerja substruktur</li> <li>2. Struktur laluan bertingkat termasuk “Segmental Box Girder”</li> <li>3. Kerja bangunan stesen bertingkat</li> <li>4. Lain-lain kerja-kerja berkaitan yang diperlukan.</li> </ol>	<p><b>Memiliki sijil sah:</b></p> <p><b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Grade G7.</li> <li>• Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).</li> <li>• Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan)</li> </ul> <p><b>DAN</b></p> <p><b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b></p>	<p><b>Tarikh : Isnin, 19 April 2021</b></p> <p><b>Masa : 10.00 pagi</b></p> <p><b>Lokasi : Lokasi taklimat akan diberitahu kepada Peserta yang berjaya membuat pra-pendaftaran</b></p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFI, semua Peserta dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan dibawah atau melalui kod QR yang disediakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ;</li> <li>2. <a href="https://forms.gle/ySBHY2eLBwL2bvc16">https://forms.gle/ySBHY2eLBwL2bvc16</a> ;</li> <li>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li> </ol> <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada <b>Jumaat, 9 April 2021 sehingga Khamis, 15 April 2021</b>. Hanya Peserta yang telah membuat pra-pendaftaran dan memenuhi syarat-syarat wajib yang ditetapkan akan dijemput ke sesi taklimat. Maklumat lanjut berkaitan sesi taklimat akan diberitahu sebaik sahaja pra-pendaftaran diluluskan.</p> <p>Wakil dari setiap syarikat yang dibenarkan untuk menghadiri sesi taklimat ini adalah tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja.</p> <p>Semua Peserta dikehendaki memakai pelitup muka dan mematuhi SOP semasa sesi Taklimat.</p> <p>Wakil-wakil dari syarikat yang menyertai mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja diatas serta diberi kuasa oleh syarikat. Salah satu wakil haruslah terdiri daripada berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengarah Urusan atau;</li> <li>2. Pengarah Eksekutif atau;</li> <li>3. Pihak Pengurusan Eksekutif (CEO, CFO, COO dsb.)</li> </ol> <p>Wakil-wakil dari syarikat yang menyertai dikehendaki mengemukakan surat pengesahan sebagai wakil dan Sijil Pendaftaran yang ‘ASAL’ dan ‘SALINAN YANG DISAHKAN’ (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT- SYARAT WAJIB semasa pendaftaran Taklimat RFI. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan <b>membatalkan kelayakan</b> untuk menyertai sesi taklimat.</p>	<p>Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:</p> 

**Peserta mestilah mempunyai rekod pengalaman seperti berikut untuk menyertai RFI ini;**

**REKOD PENGALAMAN KERJA**

Telah berjaya menyiapkan atau sedang membina sekurang-kurangnya satu (1) projek landasan keretapi (MRT/LRT/ERL/Projek Landasan Berkembar) / laluan bertingkat / pembinaan jambatan / projek lebuh raya dalam tempoh **sepuluh (10) tahun** terakhir dengan jumlah minimum **Ringgit Malaysia: Lima Ratus Juta (RM500 Juta)** untuk satu projek .  
[Bukti Salinan Surat Lantikan Kerja yang disahkan (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) hendaklah disediakan sebagai bukti.

Dokumen RFI akan diberikan kepada syarikat yang menyertai (tanpa bayaran) sesi taklimat melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Maklumbalas RFI adalah terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Tarikh serahan untuk maklumbalas RFI adalah seperti berikut:

- Bahagian 1: tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, Jumaat, 7 Mei 2021**
- Bahagian 2: tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, Selasa, 25 Mei 2021**

Peserta dikehendaki menyerahkan Dokumen RFI yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFI.

**Maklumat Tambahan dan Nota:**

1. Kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta mempunyai pendaftaran yang masih sah seperti yang dikehendaki di dalam syarat-syarat wajib dan mempunyai rekod pengalaman kerja seperti dinyatakan di atas adalah dipelawa menyertai RFI ini.
2. Peserta mestilah merupakan syarikat tempatan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3. Pemohon **WAJIB** menghadiri sesi Taklimat RFI sepertimana yang dijadualkan di atas.
4. Kesemua pemohon mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori, undang-undang dan peraturan termasuklah pindaan yang berkaitan atau penggubalan semula yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
5. Dokumen RFI ini hanya akan diberikan kepada Peserta yang menghadiri Taklimat RFI.
6. Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFI ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my).
8. Maklumat lanjut mengenai MRT Corp. boleh dilayari di laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) atau [www.mycircleline.com.my](http://www.mycircleline.com.my).
9. MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana serahan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana peserta serta membatalkan proses RFI ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRT Corp tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap peserta yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.